

06/06/2001

Daim letak semua jawatan (HL)

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin meletakkan semua jawatannya dalam kerajaan dan parti termasuk sebagai Bendahari Agung Umno kecuali kedudukannya sebagai Ahli Parlimen Merbok.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengesahkannya hari ini berkata, Daim mengemukakan surat peletakan jawatan bagi semua jawatan itu baru-baru ini, serentak dengan surat peletakan jawatannya sebagai Menteri Kewangan.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata, beliau memangku jawatan Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas berkuat kuasa mulai hari ini sehingga orang baru dilantik bagi mengisi kekosongan itu.

"Dia letak jawatan sebagai Bendahari Agung Umno juga, semua sekali," katanya ketika ditanya sama ada Daim turut meletakkan jawatan lain seperti Pengerusi Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Menteri Tugas-Tugas Khas.

Dr Mahathir sebelum itu melancarkan buku *The Propagation of Islam in the Indonesian-Malay Archipelago* susunan Dr Alijah Gordon, di pejabatnya.

Mengenai kemungkinan beliau akan terus memegang jawatan Menteri Kewangan, Dr Mahathir berkata, ia hanya sementara sehingga orang baru dilantik.

"Pagi tadi, saya sudah memberitahu Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan bahawa saya sekarang menjadi pemangku Menteri Kewangan," katanya.

Dr Mahathir pernah memegang portfolio itu mulai September 1998 berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet sehingga Daim, yang ketika itu Menteri Tugas-Tugas Khas, dilantik sebagai Menteri Kewangan pada Januari 1999.

Ditanya mengenai kriteria bagi calon Menteri Kewangan yang baru, Dr Mahathir berkata: "Ia mestilah seorang yang sesuai untuk menjadi seorang Menteri Kewangan."

Mengenai beberapa nama yang disebut-sebut oleh media untuk dilantik sebagai Menteri Kewangan, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu, saya akan tengok senarainya. Saya masih terbuka dan sedia menerima cadangan daripada akhbar."

Berikut adalah soal jawab antara wartawan dengan Dr Mahathir petang ini:

Media: Adakah Datuk Seri sudah memutuskan siapa Menteri Kewangan yang baru?

Dr Mahathir: (secara berjenaka) Borang sudah dikeluarkan. Saya sudah mempunyai beberapa siri borang.

Media: Berapa banyak borang?

Dr Mahathir: Beberapa ribu.

Media: Baru-baru ini Datuk Seri kata sedang memikirkan pengganti Tun Daim. Sudah adakah calonnya?

Dr Mahathir: Saya masih memikirkannya.

Media: Apakah kriteria pemilihan calon Menteri Kewangan?

Dr Mahathir: Dia mestilah seseorang yang sesuai untuk jadi Menteri Kewangan.

Media: Bagaimana dengan beberapa nama yang disebut-sebut oleh pihak media bakal dilantik Menteri Kewangan?

Dr Mahathir: Siapa mereka tu?

Media: Tan Sri Ali Abul Hassan, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Ghani Othman, Datuk Dr Awang Adik Husin dan nama Tan Sri Azman Hashim juga turut dikaitkan.

Dr Mahathir: Tak tahulah, saya akan tengok senarai

Media: Adakah Datuk Seri sudah menyenarai pendek nama-nama yang berpotensi?.

Dr Mahathir: Belum, saya masih membuka ruang. Oleh itu, mana-mana cadangan daripada pihak media, saya alu-alukan.

Media: Adakah Datuk Seri akan membuat pelantikan itu sebelum atau selepas Perhimpunan Agung Umno (19-22 Jun ini)?

Dr Mahathir: Insya-Allah, tapi saya tak tahu sebelum atau selepas (perhimpunan Umno)...saya dok cari, tepi-tepi jalan....

Media: Adakah Tun Daim turut meletakkan jawatan lain seperti Bendahari Agung Umno, Pengerusi Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Menteri Tugas-Tugas Khas?

Dr Mahathir: Dia letak jawatan sebagai Bendahari Agung Umno juga, semua, semua sekali.

Media: Bila dia letak semua jawatan itu?

Dr Mahathir: Hari yang sama.

Media: Adakah Datuk Seri akan melantik pemangku Menteri Kewangan?

Dr Mahathir: Saya sekarang ini Pemangku Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas.

Media: Apakah pelantikan Datuk Seri itu akan kekal?

Dr Mahathir: Ia hanya sementara sehingga orang baru dilantik.

Media: Jadi Tun Daim tak ada lagi dalam Majlis Tertinggi (MT) Umno?

Dr Mahathir: Dia bukan dipilih (ke dalam MT), dia dilantik sebagai Bendahari. Kalau dia tak jadi Bendahari, dia tak ada dalam MT.

Media: Ada kemungkinan Tun Daim akan turut meletak jawatan sebagai Ahli Parlimen Merbok?

Dr Mahathir: Tidak.

Media: Sekarang Datuk Seri memangku tugas-tugas Menteri Kewangan?

Dr Mahathir: Ya, saya pemangku Menteri Kewangan. Anda mahu wang, tulis kepada saya.

Media: Jadi, Datuk Seri sendiri lantik diri sebagai Pemangku Menteri Kewangan?

Dr Mahathir: Ya...pagi tadi saya sudah tulis surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, bahawa saya sekarang ini Pemangku Menteri Kewangan.

Media: Adakah Datuk Seri melawak?

Dr Mahathir: Tidak, saya tidak melawak. Saya tak boleh melawak mengenai benda macam ini.

Media: Berapa lama Datuk Seri rancang nak jadi Pemangku Menteri Kewangan?

Dr Mahathir: Saya tidak tahu.

Media: Mesyuarat dialog pra Belanjawan akan diadakan tidak lama lagi. Adakah Datuk Seri masih sebagai pemangku Menteri Kewangan nanti untuk mempengerusikan mesyuarat itu?

Dr Mahathir: Jika saya belajar cukup mengenai kewangan, saya akan menjadi menteri yang akan mengadakan dialog. Buat masa ini, saya belum yakin lagi (berseloroh).

(END)